

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	KOLAM KUMBAHAN LADANG TERNAKAN BABI BOCOR PUNCA SUNGAI SUNGAI PENYALAI TERCEMAR
	SUMBER	BH (24 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)



Anak Sungai Penyalai bertukar kehitaman akibat bercampur dengan kumbahan najis babi.
(Foto Alias Abd Rani/BH)

Kolam kumbahan ladang ternakan babi bocor punca Sungai Penyalai tercemar

Tangkak: Pencemaran di sepanjang Sungai Penyalai di FELDA Sri Jaya di sini, berpunca daripada kebocoran kolam kumbahan ladang ternakan babi di kawasan berkenaan.

Ini terbongkar selepas Pejabat Daerah Tangkak turun ke lokasi bersama jabatan serta agensi kelmarin bagi menjalankan siasatan serta meneliti punca kejadian dan menyelaras tindakan susulan.

Pegawai Daerah Tangkak, Ungku Suzana Ungku Mohamad, berkata berikutan itu, pihaknya mengarahkan kerja-kerja pembersihan dan pemulihan dilakukan segera oleh pemilik ladang terbabit.

Beliau berkata, pada masa sama, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) Tangkak mengarahkan pembaikan serta-merta dengan kebocoran berjaya dihentikan dalam tempoh singkat.

"Pelepasan *Effective Microorganism* (EM) turut dilakukan bagi membantu penguraian sisa organik serta mengurangkan

kesan bau," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, kerja-kerja pembersihan di kawasan kebun terjejas serta perparitan sepanjang Sungai Penyalai akan dilaksanakan oleh PPVD Tangkak bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bermula hari ini sehingga 31 Januari ini.

Sementara itu, Ungku Suzana memberitahu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan pemantauan kualiti air secara berterusan melalui Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik di Sungai Muar bagi memastikan keselamatan bekalan air awam.

"Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) turut menjalankan ujian sampel air mentah bagi memastikan pematuhan kepada Garis Panduan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan.

"Manakala syarikat konsesi, Ranhill SAJ melakukan ujian kualiti air setiap dua hingga empat jam di Loji Air Bukit Serampang," katanya.

Katanya, setakat ini bekalan

air terawat disahkan selamat digunakan dan mematuhi piawaian ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Menurut beliau, siasatan lanjut sedang dijalankan oleh agensi berkaitan dan sebarang pelanggaran undang-undang akan diambil tindakan mengikut peraturan berkuat kuasa.

"Pentadbiran daerah akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa dan orang awam dinasihatkan agar tidak membuat spekulasi serta merujuk kepada kenyataan rasmi pihak berkuasa," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, penduduk di FELDA Sri Jaya, Bukit Kepong di sini, terpaksa menghidu bau busuk malah turut mendakwa sumber air bagi kegunaan harian mereka dicemari sisa kumbahan dari kandang babi berhampiran.

Mereka mendakwa keadaan akan lebih teruk apabila tiba musim kemarau yang menyebabkan anak Sungai Penyalai menjadi kehitaman serta berbau.

2.	TAJUK	JAS JOHOR, JABATAN PERIKANAN SIASAT INSIDEN PENCEMARAN AIR SUNGAI SAYONG
	SUMBER	HARIAN METRO (27 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (LOKAL)

Johor Bahru: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor dan Jabatan Perikanan sedang menyasat insiden pencemaran air Sungai Sayong di Kampung Orang Asli Sayong Pinang di sini yang dilaporkan bertukar gelap kehitaman pagi kelmarin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panti Hahasrin Hashim berkata beliau telah menerima aduan daripada penduduk berhubung insiden itu dan segera meminta kedua-dua jabatan mengenal pasti punca pencemaran serta tahap kesannya terhadap alam sekitar dan sumber perikanan setempat.

"Isu pencemaran sungai bukan perkara kecil. Ia

JAS Johor, Jabatan Perikanan siasat insiden pencemaran air Sungai Sayong

memberi kesan langsung kepada kehidupan penduduk, nelayan darat, ekosistem sungai dan kelestarian alam sekitar. Kita tidak boleh berkompromi dengan sebarang bentuk pencemaran yang menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat," katanya.

Beliau berkata susulan aduan penduduk berhubung perubahan warna air sungai itu satu pemeriksaan telah dijalankan oleh JAS Johor pada 3.15 petang kelmarin.

"Pasukan JAS telah tiba

di jeti Kampung Orang Asli Sayong Pinang dan mendapati air sungai memang berwarna gelap kehitaman. Wakil penduduk yang juga pengadu telah ditemui bagi mendapatkan maklumat lanjut.

"Menurut pengadu kejadian disedari sekitar 10 pagi dan setakat pemeriksaan dibuat, tiada ikan mati dikesan sama ada di sungai mahupun di sangkar milik penduduk. Pengadu turut memaklumkan bahawa aliran air dipercayai dari arah Kilang Sawit Penggeli (KKS Penggeli). Ujian kua-

liti air menggunakan alat YSI turut dijalankan oleh pihak JAS di lokasi," katanya menerusi hantaran tersebut.

Hahasrin berkata siasatan ke KKS Penggeli mendapati tiada pelepasan effluen berlaku, manakala air larian dari kawasan Empty Fruit Bunch (EFB) pula dialirkan ke telaga sebelum ke kolam fakultatif, dan tinjauan dron serta pemeriksaan parit tidak menemui limpahan atau kebocoran effluen.

Selain itu, beliau berkata dapatan awal JAS tidak me-

nemui sebarang bukti pencemaran daripada KKS Penggeli dan tiada petunjuk kilang itu menyumbang kepada pencemaran Sungai Sayong, namun siasatan lanjut akan diteruskan ke bahagian hulu sungai bagi mengenal pasti punca sebenar.

Hahasrin berkata beliau akan terus memantau perkembangan bagi memastikan tindakan susulan diambil demi kebajikan penduduk serta kelestarian alam sekitar dan merakamkan penghargaan kepada penduduk yang cakna

serta JAS Johor dan Jabatan Perikanan atas tindakan pantas.

Pada 31 Oktober lepas, tiga kampung iaitu Kampung Orang Asli Sayong Pinang, Kampung Orang Asli Pasir Intan dan Kampung Orang Asli Kempas Menang dilapor terjejas akibat pencemaran sungai apabila kolam cucian pasir pecah di Ulu Sungai Johor bernampiran Kampung Orang Asli Sayong Pinang.

Susulan insiden itu, aktiviti nelayan di sepanjang Ulu Sungai Johor dilaporkan terjejas selain turut mengakibatkan gangguan bekalan air di daerah Johor Bahru, Kulai, Pontian dan Kota Tinggi.

3.	TAJUK	KEBAKARAN TANAH GAMBUT DI TAMAN BAYU DAMAI, PENERANG : KEPULAN ASAP TEBAL HADKAN PENGLIHATAN
	SUMBER	HARIAN METRO (28 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (LOKAL)

Bernamea

Kota Tinggi

Kebakaran tanah gambut di Taman Bayu Damai, Penerang sejak hujung minggu lalu menjejaskan kehidupan harian penduduk apabila kepulan asap tebal menyelubungi kawasan perumahan, menyebabkan kesukaran bernafas dan menghadkan jarak penglihatan.

Tinjauan Bernama di lokasi kejadian mendapati kawasan di sekitar Jalan Langkah Baik 3, Taman Bayu Damai masih diliputi kepulan asap putih tebal dan bau asap yang kuat.

Kepulan asap menyebabkan kesukaran bernafas selain menghadkan penglihatan hingga 150 meter, sekali-gus menjejaskan aktiviti harian dan menimbulkan kebimbangan penduduk.

Anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pangkal dan Sungai Rengit termasuk Angkatan Pertahanan Awam (APM) dilihat giat menjalankan operasi pemadaman api di Jalan Langkah Baik 3.

Imam Masjid Al Hijrah Taman Bayu Damai, Abdul Rahim Padimin, 65, berkata, kebakaran yang berlaku 50 meter dari rumahnya semakin marak sejak Ahad menyebabkan beliau sekeluarga berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Serbaguna Taman Bayu Damai demi keselamatan.

"Pada mulanya, saya sangkakan kebakaran kecil, tetapi api merebak dan asap semakin tebal berikutan tiupan angin kuat. Keadaan bertambah buruk pada Ahad apabila kepulan asap menghadkan penglihatan sehingga 50 meter sahaja," katanya ditemui di PPS itu di sini, semalam.

KEBAKARAN TANAH GAMBUT DI TAMAN BAYU DAMAI, PENERANG

Kepulan asap tebal hadkan penglihatan



KEBAKARAN tanah gambut di Taman Bayu Damai, Penerang sejak hujung minggu lalu jejasakan kehidupan harian penduduk apabila kepulan asap tebal menyelubungi kawasan perumahan, sebabkan kesukaran bernafas dan hadkan jarak penglihatan.



ABDUL Rahim

Beliau berkata, anak perempuannya yang baru bersalin terpaksa dipindahkan ke rumah adik iparnya di Kampung Sungai Kapal yang tidak terjejas jerebu.

Kawasan Jalan Langkah Baik 1, 2 dan 3 antara paling



terjejas kerana berdekatan punca kebakaran, dengan api dilihat merebak di kawasan dipenuhi pokok reasam,alang dan tumbuhan hutan mudah terbakar.

Sementara itu, penduduk Jalan Langkah Baik 3, Fuad Daud, 57, berkata, beliau dan keluarganya berpindah ke PPS pada Sabtu lalu.

"Asap sangat tebal sampai susah nak bernafas, mata pedih dan bau asap kuat. Walaupun kami sudah tutup pintu dan tingkap, asap masih masuk ke dalam rumah, sekali-gus membahayakan kesihatan kami sekeluarga," katanya sambil menambah kejadian kali ini adalah yang terburuk pernah berlaku di kawasan itu sejak 2013.

Setiasusaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Taman Bayu Damai, Ishak Moksan, 62, berkata, pihaknya segera mengemukakan amaran dan menggerakkan pengumuman kepada penduduk berpindah ke PPS apabila situasi semakin buruk pada Sabtu bagi mengelakkan risiko lebih besar.

Beliau berkata, lebih 250 penduduk dianggarikan terjejas selain keadaan tanah gambut yang masih berpotensi menyimpan bara di lapisan bawah, meningkatkan risiko kebakaran berulang yang memerlukan pemantauan berterusan pihak berkuasa.

Setakat jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 124 mangsa daripada 45 keluarga ditempatkan di dua PPS iaitu di PPS Dewan Serbaguna Taman Bayu Damai dan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Kapal susulan insiden kebakaran tanah gambut seluas kira-kira 12 hektar itu.



4.	TAJUK	MCBA RAMPS UP OPS AGAINST E-WASTE
	SUMBER	NST (28 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	FRONT PAGE, 5 (NATION/NEWS)



WEDNESDAY, JANUARY 28, 2026 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS | 5

PORT KLANG BLITZ

MCBA RAMPS UP OPS AGAINST E-WASTE

More joint raids planned to tighten net around syndicates exploiting regulatory loopholes

AUSTIN CAMOENS AND FUAD NIZAM
PORT KLANG
news@nst.com.my

THE Malaysian Border Control and Protection Agency (MCBA) yesterday checked several containers at Port Klang where an undisclosed amount of illegal electronic waste (e-waste) was detected.

The operation followed reports that suggested Malaysia was being used as an e-waste transit and processing hub.

MCBA officers worked with Port Klang Authority and Department of Environment (DoE) officers to inspect containers suspected of containing smuggled e-waste.

The raiding party found e-waste in five containers, with full details of the operation to be disclosed at a press conference today.

Sources told the *New Straits Times* that MCBA targeted high-risk shipments believed to be part of organised e-waste smuggling networks.

Under Malaysian law, importing e-waste is prohibited, with only domestically generated e-waste allowed to be processed by licensed facilities.

As a signatory to the Basel Convention, any transboundary movement of scheduled waste requires approval from the DoE, and violations may result in prosecution under the Environmental Quality Act 1974.

A source said smugglers would usually try to bypass port inspections and environmental controls by falsely declaring e-waste as recyclable plastic, metal scrap, used household goods or machinery parts.

"These false declarations are designed to hide the cargo and avoid the stricter checks required for hazardous and regulated waste," said the source.

"E-waste shipments often contain discarded circuit boards, batteries, computer components and mixed electronic parts that require special handling and permits."

Sources said the MCBA would continue its stepped-up presence at Port Klang in the coming weeks, with more joint operations planned involving environmental and port authorities, to tighten the net around syndicates exploiting regulatory loopholes.

Previously, an E-Waste Enforcement Special Task Force was established with members from 12 agencies, including the Malaysian Anti-Corruption Commission



Some of the e-waste found inside a container during an operation at Port Klang yesterday. NSTP PIC BY AHMAD UKASYAH

(MACC), MCBA, police, DoE, Customs Department and the International Trade and Industry Ministry.

MACC recently proposed a six-month moratorium on the import of plastic and e-waste to assess their impact on the country.

The period was proposed as a trial measure to evaluate the real implications for the economy, the environment and the enforcement system.

MACC Chief Commissioner Tan Sri Azam Baki, in chairing the special task force meeting on the

direction of enforcement management for the import of plastic waste and e-waste last week, said the issue was no longer just a technical or environmental matter, but had become an issue of governance, enforcement integrity and national interest.

5.	TAJUK	JOHOR SCHOOLS MAY SHUT IF AIR QUALITY WORSENS
	SUMBER	THE STAR (28 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NATION)

Johor schools may shut if air quality worsens

By MYSARA FAUZI
newsdesk@thestar.com.my

KOTA TINGGI: At least three schools in Johor may be closed if air quality worsens due to peat soil fires along Jalan Sungai Kapal in Pengerang.

State education and information committee chairman Aznan Tamin said schools in the affected area would be ordered to close if the air pollutant index (API) reaches unhealthy levels.

"We will monitor the API readings and if the situation worsens, the affected schools will be instructed to close.

"At present, schools are operating as usual as smoke has yet to reach their locations," he told reporters after visiting victims at the temporary relief centre (PPS) at SK Sungai Kapal yesterday.

Aznan said that air monitoring devices known as GRIMM would be installed at schools surrounding Taman Bayu Damai in Pengerang to monitor the situation.

He urged the relevant departments to brief the state directly on the situation, to enable swift action by the Kota Tinggi District Education Office if the need arose.

Based on the Air Pollutant



Clear danger: Smoke rising from peat soil fires in Pengerang. Authorities are preparing to deploy water bombs to put out the fires.
 — Photo courtesy of the Johor Fire and Rescue Department

Index Management System, air quality is deemed healthy if API readings are registered between 0-50, moderate (51-100), unhealthy (101-200), very unhealthy (201-300) and hazardous (above 300).

Meanwhile, Aznan, who is also the Tanjung Surat assemblyman, said the usual daily routines of eight students were affected following the temporary relocation of families from Taman Bayu Damai.

"They are still attending school as usual but have been given flexibility in terms of attire, as some do not have enough clothes or school uniforms to wear.

"We are not enforcing strict requirements on these affected students, as we do not want to burden them," he said.

Yesterday, the peat soil fire in the affected area spread from 5.26ha to 12.14ha due to dry and windy conditions, resulting in thick smoke drifting into

surrounding residential areas.

As at 4pm yesterday, a total of 211 victims had been relocated to two temporary relief centres (PPS) due to the peat soil fire in Taman Bayu Damai.

Johor Disaster Management Committee (JPBN) chairman Datuk Asman Shah Abd Rahman said all victims from 49 affected families were placed at the Taman Bayu Damai Multipurpose Hall, while another 21 families were housed at SK Sungai Kapal.

Move to curb Kota Tinggi peat fire

KOTA TINGGI: Helicopters will be deployed today for water bombing to speed up efforts to put out the peat fire along Jalan Sungai Kapal and Taman Bayu Damai, Pengerang, which has affected 99.54ha since it started on Friday.

Punggal Fire and Rescue Station chief, Leading Fire Officer II Ezam Mistorerrodin said the use of helicopters was vital to fight peat fires that were hard to access and often burned below the surface.

"Fire breaks have been dug around the areas affected by the flames, for total flooding.

"Water bombing operations are expected to help speed up the process of putting out the fire," he said when met at the location of the fire yesterday, Bernama reported.

The operation is expected to begin at 9am, depending on weather and wind conditions.

As at noon yesterday, the joint operation between the Fire Department, police and other agencies managed to douse 28% of the flames or about 28.33ha of the affected area, said Ezam.

6.	TAJUK	MAKING HIGHWAYS SAFE FOR WILDLIFE
	SUMBER	THE STAR (28 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (YOUR OPINION)

THE STAR, WEDNESDAY 28 JANUARY 2026



YOUR OPINION

Views 13

EMAIL: editor@thestar.com.my or
MAIL: The Editor, Menara Star, 15, Jalan
16/11, Section 16, 46350 Petaling Jaya.
Letters must carry the sender's full name,
address and telephone number.
A pseudonym may be included.

Making highways safe for wildlife

AS road and highway developments accelerate, the need to integrate biodiversity considerations early in planning and design has become increasingly urgent to enhance human-wildlife coexistence, reduce risks to road users and avoid irreversible environmental impacts that are costly to address later.

Highways must therefore be designed not only for connectivity and economic growth, but also to protect human safety and the natural environment. Notably, the Sabah Wildlife Department has also highlighted the need for a more inclusive and consultative planning process to ensure that environmental and biodiversity considerations are integrated from the very beginning of road development.

Recent incidents highlight the real and immediate consequences of these challenges. The collision involving a motorcyclist and a Malayan tapir along the East Coast Highway 2 (LPT2) last week is again a stark reminder that wildlife-vehicle collisions pose risks to road users, in addition to threatening vulnerable wildlife.

Such incidents point to wider gaps in the planning and design, particularly where roads intersect wildlife habitats and corridors.



Similarly, this concern was also recently highlighted by the Malaysian Nature Society (MNS), which emphasises the importance of research-driven and environmentally responsible highway planning.

As MNS highlighted, "A thorough study must be conducted before construction begins on Phase Four of the East Coast Highway (LPT4) to address wildlife safety and potential risks to motorists."

The situation reflects a broader pattern observed across the country and reinforces the importance of adopting consistent, science-based approaches nationwide.

Biodiversity should not be treated as an afterthought at later stages of the planning cycle, such as during the Environmental Impact Assessment stage.

By then, the project budget has already been determined, making it difficult to implement biodiversity-related mitigation measures because these usually incur significant cost and time.

Early, evidence-based planning helps to prevent these avoidable impacts while ensuring roads meet societal and economic needs.

In parallel with structural measures such as wildlife crossings, highway developers must take into consideration the estab-

lishment of strategically located rest areas for road users, especially heavy vehicle drivers who are often active at night.

This helps prevent vehicles from stopping near wildlife crossings, where noise, headlights and idling engines can deter animals from using these passages, thereby undermining their purpose of facilitating safe wildlife movement and reducing human-wildlife conflict.

Observations along the Gerik-Jeli Highway, where heavy vehicles have been seen resting near the wildlife viaduct at night, illustrate how such disturbances may adversely affect wildlife behaviour in the surrounding area.

WWF-Malaysia has contributed to efforts related to responsible highways, through partnerships that support the integration of biodiversity considerations into infrastructure planning.

In collaboration with Aurecon Lestari Sdn Bhd, and with strong support from Natural Resources and Environmental Sustainability Ministry as well as the Works Ministry, a training module titled "Green Roads & Highways: Protecting Biodiversity" was developed to guide industry stakeholders in practical approaches to biodiversity-friendly planning.

Building on this, and with funding from Finance Ministry under Budget 2022, WWF-Malaysia together with Aurecon Lestari Sdn Bhd also produced a checklist tool to incorporate biodiversity budgeting in road and highway projects, addressing common challenges such as road alignment with sensitive areas and budgeting for wildlife mitigation measures, including culverts, viaducts (pic) and monitoring programmes.

Additionally, WWF-Malaysia is actively working with corporates and associations as part of our industry outreach programme aimed at promoting safer driving behaviour along the Gerik-Jeli Highway, a known hotspot for such incidents.

These initiatives show that industry players, corporates and associations can play significant roles in disseminating awareness messages to their members, and we call for more to also make such commitments.

WWF-Malaysia believes that with evidence-based planning and collaboration across sectors, Malaysia can build highways that deliver connectivity and economic benefits without compromising our natural heritage.

WWF-MALAYSIA

7.	TAJUK	'PANTAU ASAP TAK MASUK RUANG UDARA SINGAPURA'
	SUMBER	BH (29 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)



Kawasan kebakaran tanah gambut di Jalan Sungai Kapal, Taman Bayu Damai, Pengerang, yang dirakam dari udara, semalam. (Foto BERNAMA)

Kota Tinggi: Asap daripada kebakaran tanah gambut di Jalan Sungai Kapal, Taman Bayu Damai, Pengerang di sini sejak Jumaat lalu masih tidak masuk ke ruang udara Singapura.

Bagaimanapun, sehingga jam 12 tengah hari semalam, kebakaran itu menyebabkan 153 penduduk daripada 50 keluarga sekitar dipindahkan ke dua pusat pemindahan sementara sejak Jumaat lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor, Penolong Pesuruhjaya Bomba (PP-

JB) Muhammad Al Mustakim Abdul Hady berkata, perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Negeri, kelmarin.

"Saya difahamkan asap tidak masuk lagi, tetapi kita kluatir juga jika asap itu sampai sana nanti, perhubungan diplomatik kita boleh terganggu nanti."

"Jadi kita cubalah (untuk mencegahnya), saya difahamkan macam itu. Jabatan Alam Sekitar akan pantau," katanya ketika ditemui di Pusat Kawalan Bomba (PKB) Operasi Pemadaman Kebakaran Tanah Gambut di

sini, semalam.

Kelmarin, *Berita Harian* Singapura melaporkan, Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) sedang memantau rapi keadaan jerbu selepas bau pembakaran dikesan di beberapa kawasan di Singapura.

Dalam satu hantaran Facebook, NEA memaklumkan titik panas terus dikesan di Malaysia iaitu utara Singapura, berpunca daripada kebakaran hutan.

Agensi itu sebelum ini turut mengesahkan pihaknya mengesan satu titik panas serta kepulan asap di Johor yang berhampiran Singapura.

8.	TAJUK	KEBAKARAN TANAH GAMBUT DI TAMAN BAYU DAMAI, PENERANG 52% BERJAYA DIPADAMKAN
	SUMBER	HARIAN METRO (29 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	44 (LOKAL)

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Kota Tinggi

Sebanyak 52 peratus daripada keluasan kebakaran tanah gambut di Jalan Sungai Kapal, Taman Bayu Damai, Pengerang di sini, berjaya dipadamkan, sehingga semalam.

Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor, Penolong Pesuruhjaya Bomba (PPJB) Muhammad Al Mustakim Abdul Hady berkata, kawasan kebakaran yang sudah dipadamkan melebihi 51 hektar daripada keseluruhan kawasan yang terbakar iaitu lebih 99 hektar.

Beliau berkata, pihaknya yakin operasi pemadaman kebakaran semalam akan terus menunjukkan perkembangan baik susulan penggunaan khidmat helikopter bagi operasi *water bombing*.

"Kita sudah membuat *fire break* dengan mengepung kawasan kebakaran dan kemudian membanjirkan kawasan berkenaan. Kita bahagikan kepada sembilan sektor yang mana beberapa sektor sudah dipadamkan dan beberapa lagi hampir padam.

"Selepas ini kita ada helikopter, jadi kita yakin helikopter akan padamkan kebakaran di kawasan yang kita tidak dapat masuk, terutamanya yang agak jauh ke dalam yang mana semalam (kelmarin) jengkaut yang kita guna tenggelam.

"Jadi, kita harap helikopter akan dapat pergi ke ba-

KEBAKARAN TANAH GAMBUT DI TAMAN BAYU DAMAI, PENERANG

52% berjaya dipadamkan



KEADAAN kawasan kebakaran tanah gambut di Jalan Sungai Kapal, Taman Bayu Damai, Pengerang yang dirakam dari udara ketika tinjauan BERNAMA bersama Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM).

hagian tengah dan kita harap perkembangan operasi pemadaman hari ini (semalam) lebih baik," katanya ketika di Pusat Kawalan Bomba (PKB) Operasi Pemadaman Kebakaran Tanah Gambut di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mustakim berkata, operasi *water bombing* itu akan membatik kawasan kira-kira 30 peratus.

Katanya, proses itu akan membantu mengurangkan asap kerana adanya wap air

"Kita sudah membuat *fire break* dengan mengepung kawasan kebakaran dan kemudian membanjirkan kawasan berkenaan"

Muhammad Al Mustakim

yang akan meresap asap. "Kalau asap dah berkurang, kira okaylah sebab asap yang mengganggu penduduk sekitar," katanya.

Helikopter MI-17 milik Unit Udara JBPM yang berpusat di Subang Jaya, Selangor itu mampu membawa sebanyak 1,340 liter air bagi satu penerbangan yang akan menjalankan operasi pemadaman di jangka sehingga Jumaat ini.

Air berkenaan akan digugurkan dari helikopter ke kawasan kebakaran yang sudah ditandakan.

Sementara itu, setakat jam 12 tengah hari semalam, seramai 153 penduduk Taman Bayu Damai di sini, yang terdiri daripada 50 keluarga ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara (PPS) yang diaktifkan sejak kebakaran yang berlaku bermula Jumaat lalu.



ANGGOTA Unit Udara JBPM mengeluarkan peralatan untuk operasi *water bombing* dari Helikopter MI-17-IV milik Unit Udara JBPM yang berpusat di Subang Jaya, Selangor.

9.	TAJUK	LIMA KONTENA E-WASTE DITAHAN
	SUMBER	HARIAN METRO (29 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	6 (LOKAL)



Nik Ezanee (dua dari kiri) menunjukkan isi kontena yang membawa muatan sisa elektronik (e-waste) pada sidang media di Westports, Pelabuhan Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Oleh Norzamira Che Noh
am@harianmetro.com.my

Pelabuhan Klang

Lima kontena yang membawa buangan terjadual (e-waste) dan sampah industri serta komersial ditahan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) Malaysia menerusi pemeriksaan kontena Gudang CFS 4, Pelabuhan Klang Barat, di sini, kelmarin.

Komander AKPS Pelabuhan Klang, Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal berkata, hasil pemeriksaan mendapati kontena berkenaan membawa barangan elektronik terpakai, kabel wayar serta sampah industri dan komersial.

"Dua daripada kontena membawa buangan terjadual e-waste iaitu barangan elektronik terpakai seperti pencetak, desktop, pemproses (CPU) dan lain-lain peralatan komputer terpakai yang dihancurkan manakala dua lagi membawa kabel wayar yang dihancurkan serta satu kon-

Lima kontena e-waste ditahan

Bahan buangan elektronik 125,037kg dibawa masuk dari AS, Sepanyol, Korea, Taiwan

tena membawa sampah industri dan komersial.

"Jumlah berat dagangan ialah 125,037 kilogram (kg) dan kontena ini dari Amerika Syarikat, Sepanyol, Korea dan Taiwan.

"Siasatan lanjut mendapati dagangan ini dibawa masuk ke Pelabuhan Klang Barat sekitar tahun 2024, 2025 dan yang terkini pada 24 Januari lalu dengan memalsukan pengiklanan dagangan," katanya.

Menurutnya, pemalsuan pengiklanan adalah kesalahan mengikut Seksyen 133 Akta Kastam 1967.

Katanya, pemeriksaan juga mendapati satu kontena tiada dalam rekod sis-

tem maklumat Kastam yang mana ia dipercayai tidak diikrar untuk masuk ke dalam negara.

Mengulas lanjut, Nik Ezanee berkata, pihaknya akan meneruskan pemeriksaan terhadap kontena lain bagi memastikan negara ini tidak menjadi tempat pembuangan sampah atau *dumpling* barangan toksik seperti e-waste.

"Kita menghargakan risikan dengan meneliti senarai ejen yang berurusan di Pelabuhan Klang. Kita akan kaji semula syarikat mana, siapa individu-individu, bagaimana mereka berdaftar serta prosedur operasi standard (SOP)

yang digunakan. "Daripada situ, kita mengenali pasti kelemahan dan menambah baik sistem sedia ada," katanya.

Katanya, kemasukan bahan buangan terjadual adalah dilarang sama sekali menurut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 justeru kesemua kontena terlibat telah ditahan bagi tujuan tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

"AKPS menegaskan pihak kami tidak akan berkompromi terhadap sebarang cubaan membawa masuk dagangan tanpa pematuhan kepada syarat perundangan," katanya.

10.	TAJUK	SIASAT TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM TERBAKAR
	SUMBER	HARIAN METRO (29 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (LOKAL)

Siasat tapak pelupusan sampah haram terbakar

Alor Setar: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesahkan menerima maklumat berkenaan kebakaran di tapak pelupusan sampah yang beroperasi secara haram di Kampung Besah, Mukim Tawar di daerah Baling melalui hebahan di media, kelmarin.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, berikutan itu, satu pasukan dari JAS Kedah, Cawangan Kulim diarah ke tapak pelupusan sampah itu untuk melakukan pemeriksaan dan siasatan.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan di lokasi malam kelmarin mendapati api masih marak dan longgokan sampah beserta plastik ditemui di tapak pelupusan haram ini yang dipercayai dibuang oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Siasatan masih diteruskan setakat ini dan bagi kes tapak pelupusan haram akan diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut.

"Mana-mana pihak atau orang awam yang mempunyai maklumat berkenaan perkara ini boleh menghubungi JAS Kedah di talian 04- 733 2832 atau JAS Kedah, Cawangan Kulim di talian 04- 403 7675," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sharifah Zakiah berkata, JAS Kedah akan meneruskan siasatan aktiviti pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A (2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



Siasatan masih diteruskan setakat ini dan bagi kes tapak pelupusan haram akan diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut"

Sharifah Zakiah

Beliau berkata, sekiranya sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang daripada RM25,000 dan tidak melebihi RM 1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Dan boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi lima ribu ringgit RM 5,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu dilakukan selepas suatu notis diserahkan atau boleh dikenakan kompaun dengan suatu jumlah wang tidak melebihi 50 peratus daripada denda maksimum.

"Pemilik tanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan tanah mereka tidak dijadikan tapak pelupusan haram mahupun membenarkan pembakaran terbuka berlaku.

"Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini, boleh menghubungi JAS Kedah," katanya.

Setakat ini, selepas lebih 21 jam kebakaran berlaku, operasi pemadaman masih dijalankan di tapak pelupusan sampah itu.

11.	TAJUK	KEBAKARAN BELUKAR 'BAKAR' 18 KENDERAAN DEKAT BENGKEL
	SUMBER	HARIAN METRO (29 JANUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (LOKAL)

Kebakaran belukar 'bakar' 18 kenderaan dekat bengkel

Johor Bharu: Sebanyak 18 kenderaan di sebuah bengkel membaiki kenderaan musnah dalam kebakaran belukar yang merebak di kawasan bersebelahan Masjid Al Mahabah, Taman Bukit Mewah di sini, tengah hari kelmarin.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri Johor berkata, kejadian berlaku pada kira-kira jam 1.32 tengah membabitkan kebakaran belukar seluas kira-kira 0.372 hektar.

Beliau berkata, kebakaran merebak dengan cepat termasuk ke sebuah bengkel kenderaan hampiran.

Menurutnya, operasi diketuai Komander Operasi



ANGGOTA bomba memadamkan kebakaran yang memusnahkan kenderaan di bengkel berdekatan Masjid Al Mahabah, Taman Bukit Mewah, Johor Bahru.

dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Larkin, Pegawai Bomba Kanan I, Nakhish Nekmat.

"Dua jentera ke lokasi kejadian bersama sembilan anggota.

"Operasi pemadaman dilaksanakan menggunakan dua unit alat pemerap api, aliran salur bantu mula air serta tiga aliran sepanjang 121 meter dengan sumber air pam jentera dan pili bomba berhampiran.

"Kebakaran berjaya dikawal sepenuhnya pada jam 2.37 petang sebelum operasi ditamatkan sepenuhnya pada jam 5.20 petang selepas keadaan disahkan selamat," katanya menerusi suatu kenyataan

media.

Beliau berkata, kejadian tidak membabitkan sebarang kemalangan jiwa namun mengakibatkan kerugian dialami apabila sebahagian besar kenderaan yang terbakar musnah sehingga 80 peratus.

Katanya, antara kenderaan yang musnah termasuk Hyundai Atoz, Perodua Kancil, Naza Ria, Proton Perdana, Proton Savvy, Perodua Kelisa, Proton Saga FLX, sebuah van serta lima kenderaan lain yang tidak dapat dikenal pasti.

Katanya, kenderaan lain termasuk Proton Saga, BMW E60, Proton Inspira dan sebuah Perodua Kelisa.

12.	TAJUK	E-WASTE SMUGGLING BID : 60 MORE CONTAINERS TARGETED
	SUMBER	NST (29 JANUARY 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	FRONT PAGE, 5 (NATION/NEWS)



PORT KLANG OP

60 MORE CONTAINERS FLAGGED

Border control agency's e-waste blitz intensifies following 125-tonne seizure

AUSTIN CAMOENS
PORT KLANG
austin@nst.com.my

THE Malaysian Border Control and Protection Agency (MCBA) has moved into phase two of its crackdown on e-waste smuggling here with at least 60 more containers flagged.

Sources told the *New Straits Times* that this next batch of containers could just be the tip of the iceberg with more than 41,000 moving in and out of the ports here daily.

A source revealed that efforts were underway to block the containers from leaving the port, as authorities have started a major coordinated inspection.

This operation will see a joint task force involving the MCBA, Department of Environment (DoE) and port authorities.

Physical inspections of flagged shipments will include sampling suspected e-waste for laboratory analysis to determine the nature of the materials and evaluating their commercial value and environmental risk.

"This is about closing every possible exit point. Once the containers are locked down, the team will move in to verify what is inside, take samples and build the evidentiary trail needed to move against the operators behind these shipments," the source said.

Investigators are focusing on shipping routes, consignee details and documentation patterns to identify repeat players and possible local facilitators.

The intensified action comes amid growing concern over the scale of illegal e-waste brought into Malaysia, which enforcement agencies say pose serious threats to public health and the environment when dismantled or disposed of improperly.

